

PROGRAM KARNIVAL KO FALAK SEKOLAH MENENGAH AGAMA



MUADZAM SHAH, 25 JULAI 2023 : Program Karnival Ko Falak Sekolah Menengah Agama Negeri bagi Zon 3 diadakan di Dewan Sekolah Menengah Agama Bukit Ibam Muadzam Shah pada hari ini.

Tujuan program ini diadakan bagi menjelaskan dan menerangkan ilmu falak dalam konteks takwim dan waktu solat kepada pelajar-pelajar sekolah agama negeri khususnya Negeri Pahang. Selain itu, pelajar-pelajar turut mempelajari penentuan arah kiblat, mencerap gerhana dan fenomena Arora, pengembaraan cakerawala dan simulasi falak serta cerapan langit malam yang disampaikan oleh Ybg. DR Ahmad Irfan Bin Ikmal Hisham AJK Falak Negeri Pahang dan Encik Shahrin bin Haji Ahmad (Falak Online)

Majlis dirasmikan oleh YH Dato' Sri Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih jua kepada Al Fadhil Ustaz Zahari Bin Daud (Ketua Penolong Mufti Bahagian Falak) , Ustaz Sheikh Mohd Firdaus Sheikh Ahmad (Ketua Unit Cerapan) , Ustaz Awalluddin Bin Abd Manan(Ketua Unit Arah Kiblat), Ustaz Mohd Ghazali Bin Kamali(Unit Arah Kiblat) , Ustazah Nurulhida Binti Baharom (Unit Cerapan), Puan Rohaidah Binti Ismail

Pengetua SMA Bukit Ibam, Puan Norhaliza binti Hashim Pen. Kanan Pentadbiran & Kokurikulum serta pelajar-pelajar sekolah.